

# KAJIAN RUANG KOLONG RUMAH PANGSA KOS RENDAH UNTUK MENCAPAI INTERAKSISOSIAL YANG POSITIF: KAJIAN KES PANGSAPURI SERI MELEWAR, SHAH ALAM

Muhamad Safwan bin Abdul Kadir\*, Mazlan Mohd Tahir

Jabatan Seni Bina dan Alam Bina,  
Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

\*Correspondence e-mail: mazlanmt@ukm.edu.my

## ABSTRACT

*This research was carried out at Seri Melewar flat to analyze the issues related to the flat's ground floor space to achieve positive social interaction. The ground floor of Seri Melewar Flat is often conveniently used as an intended public space. The developer of the flat has designed the ground floor to include an open multipurpose hall due to the nature of low-cost housing of having limited public spaces. The objectives of the research are to find out what the activities are that is of concern to the residence of Seri Melewar Flat to achieve social interaction as well as how successful are the activities to achieve the social interaction intended. Through observation and interviews conducted, it has shown the spaces on the ground floor are frequently utilized by the residents for their daily routines' usage as well as for various social interaction activities. A surau is also conveniently located at the ground floor of the flat where religious activities are actively carried out daily and special events weekly. In addition, the multipurpose hall and ground floor spaces are also utilized by the residents to carry out wedding ceremonies and indoor sports events. Food stall are also built by the residence to provide easy meals to the community as well as acting as public interaction space. The need for social interactive spaces is evident in the various activities performed and this created a well-knit community to the residents of Seri Melewar Flat. The research has thus discovered the effective usage of the ground floor spaces to achieve positive social interaction among the residence and the importance of providing open ground floor spaces in low-cost flat of Malaysia. This research could provide the basis for further research on ground floor spaces in a residential development to enhance social interaction.*

**Keywords:** *ground floor space, social interaction, well-knit community*

## ABSTRAK

Penyelidikan ini dijalankan di flat Seri Melewar untuk menganalisis isu-isu berkaitan ruang tingkat bawah flat untuk mencapai interaksi sosial yang positif. Tingkat bawah Flat Seri Melewar lazimnya digunakan sebagai ruang awam yang seperti yang diperlukan. Pemaju flat itu telah mereka bentuk tingkat bawah dengan menyediakan dewan serbaguna terbuka kerana sifat perumahan kos rendah itu sendiri yang lazimnya mempunyai ruang awam yang terhad. Objektif kajian adalah untuk mengetahui apakah aktiviti yang menjadi perhatian penduduk Flat Seri Melewar untuk mencapai interaksi sosial serta sejauh mana kejayaan aktiviti-aktiviti yang diadakan untuk mencapai interaksi sosial yang dihasratkan. Melalui pemerhatian dan temu bual yang dijalankan, ia telah menunjukkan ruang di tingkat bawah sering digunakan oleh penduduk untuk kegunaan rutin harian mereka serta untuk pelbagai aktiviti interaksi sosial. Sebuah surau juga terletak di tingkat bawah flat di mana aktiviti keagamaan giat dijalankan setiap hari dan acara khas setiap minggu. Selain itu, ruang dewan serbaguna dan tingkat bawah turut dimanfaatkan oleh penduduk untuk melangsungkan majlis perkahwinan dan acara sukan dalaman. Gerai makan turut dibina oleh penduduk kediaman itu bagi menyediakan hidangan mudah kepada masyarakat selain bertindak sebagai ruang interaksi orang ramai. Keperluan kepada ruang interaktif sosial terserlah

dalam pelbagai aktiviti yang dilakukan dan ini mewujudkan komuniti yang bersatu padu kepada penduduk Flat Seri Melewar. Penyelidikan itu telah menemui keberkesanan penggunaan ruang tingkat bawah untuk mencapai interaksi sosial yang positif di kalangan kediaman dan kepentingan menyediakan ruang lantai terbuka di flat kos rendah di Malaysia. Penyelidikan ini boleh menjadi asas kepada penyelidikan lanjut mengenai ruang tingkat bawah dalam pembangunan kediaman untuk meningkatkan interaksi sosial.

**Kata kunci:** ruang tingkat bawah, interaksi sosial, komuniti yang bersatu padu

## PENGENALAN

Permasalahan kekurangan ruang ini telah banyak dinyatakan dalam kajian-kajian terdahulu dan berdasarkan kajian literatur, terdapat inisiatif daripada pihak pemaju untuk menangani perkara ini. DRB-HICOM Berhad telah membangunkan pangsapuri kos rendah di bawah cabang pembinaan *Glenmarie Properties* yang memberi fokus terhadap masalah kekurangan ruang ini. Pemaju telah membina Pangsapuri Seri Melewar di TTDI Jaya, Shah Alam dengan rekabentuk berpanggung dan bertiang tinggi yang menghasilkan ruangan kolong di bawah pangsapuri. Menurut Mohd Nizam (2008), beliau menyatakan bahawa pangsapuri Seri Melewar disediakan ruangan kolong di bahagian bawah bangunan untuk menggantikan dewan orang ramai dan dinyatakan oleh pihak pemaju sebagai ruangan serbaguna. Berdasarkan kajian beliau, didapati ruangan bawah itu tidak digunakan oleh penduduk sekerap yang diharapkan. Mohd Nizam (2008) turut menyatakan bahawa berdasarkan maklum balas daripada kebanyakan penduduk berpendapat bahawa ruangan itu tidak sesuai untuk melakukan aktiviti agama kerana tidak bersih. Perkara ini disebabkan ruangan tersebut tidak berdingin dan membolehkan haiwan-haiwan jalanan seperti anjing masuk dan mengotorkan ruang (Mohd Nizam 2008). Tambahan pula, adanya paip-paip kumbahan yang disalurkan di ruangan kolong tersebut dan terdapat paip-paip yang mengalami kebocoran (Mohd Nizam 2008). Berdasarkan kenyataan beliau mengetengahkan bahawa solusi menggunakan ruangan kolong ini sebagai ruangan awam kurang berjaya.

Namun begitu, kajian yang dijalankan oleh Mohd Nizam (2008) merupakan kajian yang dilakukan pada tahun 2008 dan terdapat kemungkinan isu dan permasalahan yang berlaku di ruangan kolong Pangsapuri Seri Melewar telah diselesaikan. Kajian ini adalah bertujuan untuk meneroka semula solusi yang dicadangkan oleh pihak pemaju untuk menggunakan ruangan kolong sebagai ruang serbaguna dengan menyemak kembali artikel Mohd Nizam (2008) dan pergi ke Pangsapuri Seri Melewar untuk mengkaji kegunaan ruangan kolong di pangsapuri tersebut. Kaedah menggunakan ruangan kolong pangsapuri sebagai ruangan awam ini sudah dipraktikkan di pangsapuri HDB Singapura dengan jayanya dan ini menunjukkan potensi solusi ini dalam menangani permasalahan kekurangan ruang di pangsapuri kos rendah. Hasil kajian juga mendapati bahawa terdapat beberapa percanggahan antara kajian yang dijalankan oleh pengkaji dan kajian yang dijalankan oleh Mohd Nizam (2008). Hasil penyelidikan daripada pengkaji

mendapati ruangan kolong Pangsapuri Seri Melewar sangat penting bagi penduduk kawasan pangsapuri tersebut dan sering digunakan untuk berbagai aktiviti kemasyarakatan dan juga aktiviti persendirian. Selain itu, terdapat juga beberapa percanggahan data yang lain dan maklumat-maklumat ini diterangkan dengan lebih lanjut di bab IV. Secara ringkasnya, berdasarkan kajian daripada pengkaji, dapat dirumuskan bahawa solusi yang diterapkan oleh pihak pemaju untuk menggunakan ruangan kolong sebagai ruang serbaguna telah berjaya menangani permasalahan kekurangan ruang di pangsapuri kos rendah dan pendekatan ini boleh diaplikasikan untuk reka bentuk pangsapuri kos rendah yang akan dibina kelak.

## KAJIAN KEPUSTAKAAN

Perumahan pangsapuri di kos rendah di Malaysia bukanlah sebuah konsep baru yang diterapkan pada zaman sekarang, malah ia telah lama dijadikan satu kaedah oleh pihak kerajaan untuk menyediakan rumah kepada rakyat bagi menangani masalah gelandangan sejak zaman pasca kemerdekaan lagi. Dalam usaha kerajaan untuk menyediakan hak asasi manusia ini kepada rakyat, sudah pasti inisiatif ini dapat sedikit sebanyak meringankan beban rakyat untuk mendapatkan sebuah tempat berteduh. Namun seperti perkara lain, terdapat juga beberapa isu yang timbul di kawasan perumahan pangsapuri kos rendah. Dalam sasaran untuk mencapai objektif kajian ini, kajian perpustakaan telah dilakukan yang merangkumi beberapa aspek tentang perumahan pangsa di Malaysia. Sumber rujukan untuk kajian perpustakaan ini terdiri daripada buku, artikel, keratan akhbar dan rujukan internet yang mempunyai sumber rujukan yang sahih, serta risalah rasmi kerajaan. Kajian perpustakaan ini dibahagikan ke beberapa sub-topik yang menerangkan secara tentang latar belakang perumahan pangsa kos rendah di Malaysia. Sub-topik yang dinyatakan adalah seperti berikut:

- a. Kegunaan ruangan kolong rumah tradisional Melayu.
- b. Kegunaan ruangan kolong rumah Melayu pada zaman sekarang.
- c. Sejarah perumahan kos rendah di Malaysia.
- d. Reka bentuk pangsapuri kos rendah.
- e. Permasalahan perumahan pangsapuri kos rendah.
- f. Konsep 'Void deck' yang diterapkan di pangsapuri awam di Singapura.

## KEGUNAAN RUANG KOLONG RUMAH MELAYU TRADISIONAL

Dalam alam Melayu, ruangan kolong ini digunakan oleh isi rumah untuk kegunaan harian seperti yang dinyatakan oleh Effendi dan Kadir (2003) dalam ungkapan adab yang tertulis kalau ruang di bawah rumah, tempat bergasing bermain cacak, tempat mengalang sampan bocor, tempat menaruh dayung pengayuh, tempat menumbuk kayu api. Berdasarkan kenyataan itu juga, ruangan kolong merupakan ruangan di mana aktiviti harian penghuni rumah dijalankan (Ratna Amanati 2017).). Kolong juga digunakan untuk menyimpan barang (Rajah 1 (a)(b))



(a)



(b)

*Gambarajah 1 Ruang kolong digunakan untuk tempat menyimpan barang  
Sumber gambar: Ratna Amanati (2017)*

## KEGUNAAN RUANG KOLONG RUMAH MELAYU MODEN

Pada zaman ini, kehadiran kolong dalam reka bentuk rumah Melayu kian menghilang, namun terdapat juga segelintir masyarakat yang mengekalkan reka bentuk rumah berkolong. Seperti yang yang dinyatakan dalam surat akbar Sinar Harian pada 2 Mac 2022, kolong merupakan ruang di bawah rumah Melayu tradisional untuk berehat boleh dijadikan tarikan jika digunakan dengan betul. Kenyataan ini merujuk kepada kedai makan yang diwujudkan di bawah kolong sebuah rumah di negeri johor (Rajah 2). Selain itu, petikan daripada akhbar kosmo pada 22 september 2021, menulis tentang seorang usahwan yang menanam cendawan di bawah ruangan kolong rumah. Penulisan-penulisan ini menunjukkan bukti potensi kolong dalam dunia moden ini untuk melaksanakan aktiviti merupakan sebuah idea yang boleh dijalankan (Rajah 3).




*Gambarajah 2 restoran di bawah ruangan kolong rumah Melayu tradisional  
Sumber: Sinar Harian. 2022. 2 Mac*



*Gambarajah 3 ruangan kolong digunakan untuk menanam cendawan  
Sumber: Kosmo. 2021. 22 September*

## SEJARAH PERUMAHAN RUMAH KOS RENDAH DI MALAYSIA

Polisi perumahan di Malaysia terbahagi kepada banyak sektor, dan terdapat banyak polisi kerajaan yang telah diperkenalkan sejak zaman pasca kemerdekaan. Untuk penulisan ini, sektor perumahan kos rendah lebih dititikberatkan sejajar dengan kajian yang menegenahkan pangsapuri kos rendah. Kerajaan telah memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan sektor perumahan negara dengan menggariskan polisi- polisi penting untuk mencapai matlamat perumahan negara dan memenuhi keperluan rakyat. Rajah 4 di bawah menunjukkan pelan pemetaan Rancangan Malaysia ke-9.



Gambarajah 4 Menunjukkan Pelan Pemetaan Rancangan Malaysia ke-9  
Sumber : Rancangan Malaysia ke-9

## REKA BENTUK PANGSAPURI KOS RENDAH

Sebelum merungkai lebih lanjut, definisi reka bentuk boleh dijelaskan sebagai ayat yang menyatakan produk pembinaan yang memenuhi keperluan (Radosavljevic dan Bennet, 2012). perumahan tinggi kos rendah terutama di kawasan bandar direka dengan koridor untuk setiap aras dan balkoni terbuka untuk setiap unit yang selalunya digunakan sebagai halaman kering (Nadiyah Noor Hisham and Nor Dina Md Amin, 2020). Tambahan dari itu, menurut Goh, Ai Tee dan Ahmad Yahaya (2011), dalam temuduga Bersama Ar. Chong Lee Siang, panduan reka bentuk daripada Jabatan Perumahan Negara (JPN) untuk setiap unit perumahan tinggi kos rendah adalah untuk keluargadengan secara puratanya bersaiz lima orang. Untuk purata keluarga bersaiz lima orang untuk setiap unit rumah kos rendah, kawasan untuk seorang adalah sebanyak 130 kaki per segi (Goh, Ai Tee dan Ahmad Yahaya 2011).

## PERMASALAHAN PANGSAPURI KOS RENDAH

Pangsapuri kos rendah mempunyai ruangan yang terhad kerana sifat binaan ini yang mengetengahkan penjimatan kos pembinaan. Oleh kerana rumah kos rendah dibina menggunakan modal yang rendah, ia memberi kesan terhadap reka bentuk, susun atur dan pembinaan rumah tersebut (Alice Sabrina Ismail et al. 2017). Perumahan kos rendah yang biasamempunyai ruangan yang terhad di mana kegunaannya hanyalah untuk piawai minimum kediaman manusia (Zaid & Graham, 2011). Suasana yang sihat bermula dari rumah (Alice Sabrina Ismail et al. 2017). Salah satu masalah yang orang hadapi di rumah adalah stress (Alice Sabrina Ismail et al. 2017). Menurut Munro & Madigan (1999), sebuah rumah keluarga boleh menjadi penjara dan pusat penindasan, yang mengecewakan penghuni rumah yang boleh menyebabkan meningkatnya komplikasi isi rumah seperti peningkatan kadar penceraian, kemurungan dalam kalangan kanak-kanak dan gaya hidup yang tertekan.

## KONSEP 'VOID DECK' PANGSAPURI HDB SINGAPURA

'Void Deck' atau dek kosong, didefinisikan oleh Skelton dan Hamed (2011, 216-217) sebagai kawasan awam terbuka teduh yang selalunya disejukkan dengan udara semulajadi di tapak perumahan pangsapuri. Badan Pembangunan Perumahan (HDB) yang direka sebagai ruangan komuniti. Menurut Giok Ling Ooi and Thomas T.W. Tan (2009), Pangsapuri HDB pertama dibina boleh dijejak hingga ke awal tahun 1970-an di mana perumahan Toa Payoh mempunyai ruangan untuk penduduk pada aras bawah, dan sejak itu 'Void Deck' atau ruangan kosong di aras bawah setiap blok perumahan dijadikan ciri seni bina perumahan HDB dari tahun 1970 (rajah 5).



Gambarajah 5 Dek kosong digunakan sebagai ruang untuk berinteraksi dan bersosial  
Sumber gambar: (Tuan Ahn Le 2016)

## METODOLOGI

### Jadual Pemerhatian/*Observation Sheet*

Rekod pemerhatian disediakan dalam bentuk jadual untuk memudahkan proses catatan aktiviti penduduk. Skop pemerhatian termasuklah bilangan pengguna, waktu penggunaan, jantina pengguna, jangkaan umur jenis ruang dan jenis aktiviti sama ada sosial atau bukan sosial. Aktiviti sosial dan bukan sosial diklasifikasikan berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan oleh Shu-Chun Lucy Huang (2005) yang menyatakan bahawa aktiviti sosial dirujuk sebagai aktiviti yang boleh diperhatikan interaksi tingkah laku di kalangan penduduk, termasuk mengganggu, bercakap, melambai dan sentuhan fizikal yang mesra. Jika tidak berlaku sebarang interaksi antara sekurang-kurangnya dua individu, aktiviti itu diklasifikasikan sebagai bukan sosial. Pemerhatian dijalankan selama 24 jam dan dipecahkan kepada empat hari. Setiap hari pemerhatian merangkumi enam jam. Pemerhatian adalah pada 22 Mac 2022 (Selasa) pukul 12 tengah hari hingga 6 petang, 23 Mac 2022 (Rabu) pukul 6 petang hingga 12 malam, 24 Mac 2022 (Khamis) pukul 12 malam hingga 6 pagi dan pada 27 Mac 2022 (Sabtu) pukul 6 pagi hingga 12 tengah hari.

### TEMUBUAL

Temubual dijalankan terhadap penduduk Pangsapuri Seri Melewar sama ada penyewa mahupun penduduk kekal. Menurut Shari (2012), beliau menyatakan bahawa dalam kajian kualitatif, sesetengah pakar mengelak topik bilangan responden temu bual yang dianggap mencukupi kerana terdapat bervariasi pendapat yang mencadangkan bilangan minimum. Namun, menurut Shari (2012) juga, sebilangan besar artikel bab buku dan buku mengesyorkan bimbingan dan mencadangkan mana-mana daripada 5 hingga 50 orang responden sebagai mencukupi. Dalam tempoh kajian ini, pengkaji telah menemu ramah seramai 20 orang responden. Hasil temuduga dianalisa menggunakan perisian ATLAS.ti.


### KAJIAN KES

Kajian kes untuk kajian ini adalah Pangsapuri Seri Melewar, Shah Alam. Lokasi ini dipilih kerana terdapat kajian terdahulu yang menyatakan bahawa kolong pangsapuri disediakan oleh pihak pemaju untuk kegunaan awam. Namun dalam kajian Mohd Nizam (2008) beliau menyatakan bahawa kolong pangsapuri tersebut tidak digunakan kerana tercemar dengan najis haiwan jalanan dan paip kumbahan yang bocor. Dalam kajian ini, permasalahan yang dinyatakan oleh kajian terdahulu dikaji semula untuk mendapatkan data terbaru mengenai kegunaan ruangan kolong pangsapuri Seri Melewar. Data terbaru akan dibandingkan dengan data daripada kajian terdahulu untuk mendapatkan kesahihan. Lokasi Pangsapuri Seri Melewar adalah seperti di rajah 6. Pelan pangsapuri adalah seperti rajah 7.





Gambarajah 6 Lokasi Pangsapuri Seri Melewar Sumber gambar: (Google Maps 2022)



Gambarajah 7 Pelan lantai skematik Pangsapuri Seri Melewar

## ANALISA

### Pemerhatian

Blok 4 Selasa (22 Mac 2022, 12.00 tengah hari – 6 petang)

Ruangan kolong secara majoritinya dijadikan ruang pejalan kaki oleh pengguna. Ruang kolong turut diubahsuai untuk dijadikan ruang parkir motosikal kerana ruang parkir yang disediakan oleh pemaju tidak mencukupi. Oleh kerana pengubahsuaian ini telah menjadikan ruang kolong sebagai ruang dwifungsi yang bukan sahaja menjadi laluan pejalan kaki, malah membolehkan

pengguna meletakkan kenderaan motosikal. Namun, oleh kerana pemerhatian dijalankan pada waktu bekerja, ruangan kolong tidak menampung bilangan motosikal yang banyak dan lebih digunakan sebagai ruangan pejalan kaki dan ruangan sosial. Rumusan pemerhatian adalah seperti jadual 1. Rajah 8(a)(b) menunjukkan ruangan kolong blok 4 ketika pemerhatian.

Bilangan pengguna yang berinteraksi sosial	Bilangan pengguna yang berinteraksi bukan sosial	Bilangan Pengguna Lelaki	Bilangan pengguna Perempuan	Bilangan pengguna dewasa	Bilangan pengguna warga emas	Bilangan pengguna kanak-kanak
45	19	52	12	43	3	18

Jadual 1 Rumusan pemerhatian blok 4 Pangsapuri Seri Melewar pada 22 Mac 2022



(a)



(b)

Gambarajah 8 Ruang kolong blok 4.  
Sumber gambar : Safwan (2022)

## Blok 5 Selasa (22 Mac 2022, 12.00 tengah hari – 6 petang)

Ruangan kolong blok 5 lebih lengang pada waktu inikerana ruangan ini lebih banyak digunakan sebagai ruang parkir motosikal berbanding blok 4. Ini keranakedudukan blok yang berhampiran dengan pintu masuk pangsapuri dan ruangan kolong blok 5 juga secara mjoritinya mempunyai ruangan kosong. Ruangan kolong blok 5 terdapat beberapa aktiviti yang dijalankan oleh penduduk seperti tempat pemeliharaan ikan. Rumusan pemerhatian adalah seperti jadual 2. Rajah 9(a)(b) menunjukkan ruangan kolong blok 4 ketika pemerhatian.

Bilangan pengguna yang berinteraksi sosial	Bilangan pengguna yang berinteraksi bukan sosial	Bilangan Pengguna Lelaki	Bilangan pengguna Perempuan	Bilangan pengguna dewasa	Bilangan pengguna warga emas	Bilangan pengguna kanak-kanak
48	21	47	22	50	7	12

Jadual 2 Rumusan pemerhatian blok 5 Pangsapuri Seri Melewar pada 22 Mac 2022



(a)



(b)

Gambarajah 9 Ruangan kolong blok 5  
Sumber gambar : Safwan (2022)

## Blok 4 Rabu (23 Mac 2022, 6 petang – 12.00 tengah malam)

Pada waktu malam majoriti pengguna menggunakan ruangan surau yang terletak di bawah pangsapuri. Penduduk berada di surau daripada waktu maghrib hingga ishak dan dipenuhi juga dengan aktiviti keagamaan yang lain seperti ceramah (rajab 10) yang dikategorikan sebagai aktiviti sosial. Aktiviti keagamaan yang diadakan di surau adalah seperti di rajah 9. Selain itu, penduduk turut menggunakan ruangan kolong sebagai ruangan untuk melaksanakan aktiviti moreh (rajab 11) selepas solat isyak. Rumusan pemerhatian adalah seperti jadual 3.

Bilangan pengguna yang berinteraksi sosial	Bilangan pengguna yang berinteraksi bukan sosial	Bilangan Pengguna Lelaki	Bilangan pengguna Perempuan	Bilangan pengguna dewasa	Bilangan pengguna warga emas	Bilangan pengguna kanak-kanak
59	14	58	15	36	16	21

Jadual 3 Rumusan pemerhatian blok 4 Pangsapuri Seri Melewar pada 23 Mac 2022



Gambarajah 10 Aktiviti ceramah agama yang dilakukan di surau yang terletak di ruang kolong pangsapuri.  
Sumber gambar: Safwan (2022)



Gambarajah 10 Aktiviti moreh bawah kolong di tempat duduk hadapan surau.  
Sumber gambar: Safwan (2022)

Blok 5 Rabu (23 Mac 2022, 6 petang – 12.00 tengah malam)

Pada waktu malam, kedai makan yang terletak di ruangan bawah blok 5 menjadi tumpuan penduduk untuk bersantai dan berinteraksi. Kedai makan ini menjadi tumpuan kerana lokasi yang terletak di tengah-tengah antara blok 4 dan blok 5 serta menghadap pintu masuk utama pangsapuri. Lokasi ini menggalakkan pengguna yang lalu untuk singgah makan atau berbual dengan setelah pulang daripada bekerja. Kedai makan merupakan lokasi tumpuan penduduk pada waktu pemerhatian di blok 5 (Rajah 11). Pada waktu ini juga ruangan parkir motosikal di blok 5 mula dipenuhi motosikal setelah penghuni pangsapuri pulang daripada bekerja. Pada waktu pemerhatian ini juga kanak-kanak mula aktif menggunakan taman permainan dan gelanggang futsal yang ditunjukkan di rajah 4.6. Ini adalah kerana ketika ini langit mula teduh dan lebih selesa untuk kanak-kanak untuk menggunakan fasiliti yang disediakan untuk melakukan aktiviti riadah. Rumusan pemerhatian adalah seperti jadual 4.

Bilangan pengguna yang berinteraksi sosial	Bilangan pengguna yang berinteraksi bukan sosial	Bilangan Pengguna Lelaki	Bilangan pengguna Perempuan	Bilangan pengguna dewasa	Bilangan pengguna warga emas	Bilangan pengguna kanak-kanak
78	14	67	25	49	5	38

Jadual 4 Rumusan pemerhatian blok 5 Pangsapuri Seri Melewar pada 23 Mac 2022



Gambarajah 11 Kedai makan dipenuhi pengguna pada waktu pemerhatian  
Sumber gambar: Safwan (2022)

Blok 4 Khamis (24 Mac 2022, 12.00 tengah malam – 6 pagi)

Pada waktu pemerhatian, terdapat sebanyak dua pengguna sahaja yang menggunakan ruangan kolong pangsapuri pada waktu ini. Ini kerana pada waktu ini, majoriti pengguna sudah pulang ke rumah dan tidur. Namun begitu, hasil temuduga mendapati bahawa ketika sebelum waktu Program Kawalan Pegerarahan (PKP) yang dilaksanakan pada tahun 2020, para pelajar Politeknik Shah Alam yang menyewa di Pangsapuri Seri Melewar akan menggunakan ruangan duduk di hadapan surau (Rajah 12) untuk belajar. Kehadiran pelajar ini menjadikan waktu malam lebih meriah. Tetapi ketika kajian dijalankan, pelajar Politeknik Shah Alam masih tidak dibenarkan menyewa di luar kampus Politeknik dan diwajibkan tinggal di dalam kampus. Oleh demikian itu, pada waktu pemerhatian 12.00 tengah malam hingga 6.00 pagi ruangan tidak digunakan. Selain itu, ruangan aktiviti lain juga sepi (Rajah 13). Rumusan pemerhatian adalah seperti jadual 5.

Bilangan pengguna yang berinteraksi sosial	Bilangan pengguna yang berinteraksi bukan sosial	Bilangan Pengguna Lelaki	Bilangan pengguna Perempuan	Bilangan pengguna dewasa	Bilangan pengguna warga emas	Bilangan pengguna kanak-kanak
0	2	2	0	2	0	0

Jadual 5 Rumusan pemerhatian blok 4 Pangsapuri Seri Melewar pada 24 Mac 2022



*Gambarajah 12 Ruangan tempat duduk hadapan surau yang selalu digunakan oleh pelajar Politeknik Shah Alam yang menyewa di Pangsapuri Seri Melewar untuk belajar.*

*Sumber gambar: Safwan (2022)*



*Gambarajah 13 Ruangan parkir motosikal blok 4 yang lengang walaupun pada waktu malam kerana pengguna memilih untuk memarkir motosikal di parkir blok 5.*

*Sumber gambar: Safwan (2022)*

## Blok 5 Khamis (24 Mac 2022, 12.00 tengah malam – 6 pagi)

Blok 5 mempunyai lebih ramai pengguna pada waktu pemerhatian berbanding blok 4 dan terdapat sedikit interaksi sosial antara pengguna ruang kolong. Berdasarkan pemerhatian, ruangan ini lebih digunakan pada waktu ini kerana ruangan kolong ini lebih dekat dengan pondok pengawal (Rajah 14) berbanding blok 4. Perkara ini berkemungkinan menimbulkan perasaan selamat untuk pengguna berlegar pada waktu pemerhatian dijalankan. Ruang kolong ini juga lebih dipenuhi dengan kenderaan berbanding ruangan kolong blok 4 (Rajah 15). Rumusan pemerhatian adalah seperti jadual 6.

Bilangan pengguna yang berinteraksi sosial	Bilangan pengguna yang berinteraksi bukan sosial	Bilangan Pengguna Lelaki	Bilangan pengguna Perempuan	Bilangan pengguna dewasa	Bilangan pengguna warga emas	Bilangan pengguna kanak-kanak
3	3	4	2	6	0	0

Jadual 6 Rumusan pemerhatian blok 5 Pangsapuri Seri Melewar pada 24 Mac 2022



Gambarajah 14 Pondok pengawal yang beroperasi pada waktu malam  
Sumber gambar: Safwan (2022)





*Gambarajah 15 Ruangan parkir motosikal blok 5 yang penuh pada waktu malam  
Sumber gambar: Safwan (2022)*

Blok 4 Ahad (27 Mac 2022, 6 pagi – 12 tengah hari)

Hari keempat pemerhatian terdapat secara keseluruhan 50 orang pengguna yang menggunakan ruangan kolong Pangsapuri Seri Melewar. Rekod terperinci kegunaan adalah seperti di jadual 4.7 dan Lampiran A. Bilangan pengguna pada waktu pagi sedikit kurang memandangkan hari pemerhatian adalah pada waktu hujung minggu. Kebanyakan pengguna pada awal pagi majoritinya menggunakan surau untuk menunaikan solat subuh. Setelah pukul 8.13 pagi, mula dapat dilihat penduduk menggunakan ruangan kolong. Pada hari cuti dan pada waktu pemerhatian, ruangan kolong blok 4 kurang (Rajah 16) digunakan dan blok 5 menjadi tumpuan pengguna kerana blok 5 mempunyai kedai makan. Rumusan pemerhatian adalah seperti jadual 7.

Bilangan pengguna yang berinteraksi sosial	Bilangan pengguna yang berinteraksi bukan sosial	Bilangan Pengguna Lelaki	Bilangan pengguna Perempuan	Bilangan pengguna dewasa	Bilangan pengguna warga emas	Bilangan pengguna kanak-kanak
26	24	43	7	31	12	7

*Jadual 7 Rumusan pemerhatian blok 4 Pangsapuri Seri Melewar pada 27 Mac 2022*



*Gambarajah 16 Ruangan kolong blok 4 yang lengang pada waktu awal pagi  
Sumber gambar: Safwan (2022)*

Blok 5 Ahad (27 Mac 2022, 6 pagi – 12 tengah hari)

Blok 5 mempunyai kedai makan di ruang kolong yang membolehkan penduduk berkumpul, bersantai dan berinteraksi. Kedai dibuka seawal 7.33 pagi dan ini membolehkan penduduk bersarapan pada awal pagi. Rumusan pemerhatian adalah seperti jadual 8.

Bilangan pengguna yang berinteraksi sosial	Bilangan pengguna yang berinteraksi bukan sosial	Bilangan Pengguna Lelaki	Bilangan pengguna Perempuan	Bilangan pengguna dewasa	Bilangan pengguna warga emas	Bilangan pengguna kanak-kanak
21	43	55	9	54	6	4

*Jadual 8 Rumusan pemerhatian blok 5 Pangsapuri Seri Melewar pada 27 Mac 2022*



*Gambarajah 17 Suasana pagi kedai makan yang terdapat di blok 5  
Sumber gambar: Safwan (2022)*

## TEMUDUGA

Ketika menjalankan proses temuduga responden yang dipilih adalah daripada penduduk dan penyewa pangsapuri sahaja. Seramai 20 orang responden telah memberi maklum balas dan hasil temubual adalah untuk dibandingkan maklumat yang dikumpul daripada pemerhatian dan kenyataan kajian terdahulu. Berdasarkan temuduga, didapati bahawa ruangan kolong pangsapuri kerap digunakan untuk majlis rewang, kenduri kahwin, serta acara sukan tahunan penduduk. Selain itu ruangan kolong pangsapuri turut digunakan untuk beberapa kegunaan oleh penduduk yang boleh dibahagikan mengikut kategori seperti berikut:

- a. Rewang dan kenduri kahwin
- b. Khatan beramai-ramai
- c. Sukan dan rekreasi
- d. Mesyuarat dan perjumpaan
- e. Aktiviti keagamaan
- f. Tahlil dan pengurusan jenazah
- g. Bilik Kuarantin

## Rewang dan kenduri

Berdasarkan temubual yang dijalankan oleh pengkaji bersama penduduk pangsapuri, didapati bahawa dewan serbaguna dan ruangan kolong pangsapuri digunakan oleh penduduk untuk upacara rewang dan majlis kahwin (Rajah 18). Selain itu, dewan serbaguna ini juga digunakan untuk sambutan hari lahir oleh penduduk. Dewan dan kolong pangsapuri membolehkan penduduk melaksanakan aktiviti rewang seperti di kawasan kampung dengan selesa. Aktiviti rewang ini juga berdasarkan temuduga penduduk berupaya merapatkan hubungan komuniti antara penduduk. Ini kerana penduduk akan berkumpul dan berinteraksi antara mereka yang boleh merapatkan lagi hubungan silaturrahim.



*Gambarajah 18 Ilustrasi majlis perkahwinan yang dijalankan di ruangan kolong pangsapuri*

*Sumber gambar: Anor (2022)*

## Khatan beramai-ramai

Menurut penduduk juga, dewan serbaguna dijadikan tempat untuk melaksanakan majlis berkhatan beramai-ramai. Aktiviti-aktiviti begini mampu melahirkan suasana perumahan yang harmoni. Perkara ini juga bercanggah dengan kenyataan artikel terdahulu yang menyatakan dewan serbaguna tidak sesuai untuk menjalankan aktiviti keagamaan.

## Sukan dan rekreasi

Seterusnya kolong pangsapuri turut dijadikan ruang untuk aktiviti sukan dan rekreasi seperti congkak, dam haji, melukis poster dan kompang (rajah 8). Ruangan kolong (Rajah 19) mempunyai dwifungsi dimana ia menempatkan parkir motosikal dan juga membolehkan aktiviti rekreasi dalaman dilakukan kerana ruangan yang memadai.



*Gambarajah 19 Aktiviti kompang yang dilakukan di ruangankolong pangsapuri*

*Sumber gambar: Anor (2022)*

### Mesyuarat dan perjumpaan

Dewan serbaguna menurut responden digunakan untuk apa-apa perjumpaan antara penduduk (Rajah 20). Dewan ini memudahkan penduduk untuk menjalankan perbincangan serta membawa pulang kewangan apabila disewakan kepada pengguna luar. Harga sewaan pada waktu kajian merupakan RM150 untuk satu hari. Ternyata dewanbukan sahaja digunakan oleh penduduk malah disewa oleh pengguna luar untuk mesyuarat dan persatuan.



*Gambarajah 20 Perjumpaan yang diadakan di dewanserbaguna*

*Sumber gambar: Anor (2022)*

### Aktiviti keagamaan

Ceramah keagamaan dilakukan secara berskala setiap hari Selasa malam Rabu di surau dan diikuti dengan moreh di tempat duduk hadapan surau. Aktiviti seumpama ini bagus dari segi rohani dimana ia dapat menarik minat anak-anak muda untuk ke surau pangsapuri (Rajah 21).



*Gambarajah 21 Ceramah agama yang dijalankan di surau  
Sumber gambar: Safwan (2022)*

### Tahlil dan pengurusan jenazah

Oleh kerana ruangan rumah yang sempit, tahlil (Rajah 22) dan pengurusan jenazah (Rajah 23) dilakukan di ruangan kolong pangapuri dimana penduduk berkumpul dan bekerjasama bagi mengurus majlis



*Gambarajah 22 Tahlil jenazah di ruangan kolong  
Sumber gambar: Anor (2022)*



*Gambarajah 23 Pengurusan jenazah di ruangan kolong  
Sumber gambar: Anor (2022)*

#### Bilik Kuarantin

Ruang kolong menjadikan rekabentuk pangsapuri lebih fleksibel. Ruang yang kurang digunakan didindingkan dijadikan bilik kuarantin (Rajah 24) pesakit Covid-19 ketika virus ini sedang memuncak pada tahun 2020. Setelah wabak reda bilik ini disewakan untuk menjana pendapatan untuk pihak pengurusan pangsapuri.



*Gambarajah 24 Bilik kuarantin pesakit Covid-19  
Sumber gambar: Safwan (2022)*

### Stor Buatan Parang Dan Stor Simpan Barang Surau

Ruang kolong turut menjadikan rekabentuk pangsapuri lebih fleksibel dengan membolehkan stor diwujudkan di bahagian bawah pangsapuri untuk kegunaan awam penduduk seperti stor membuat parang (Rajah 25) dan stor simpanan barang surau (Rajah 26). Stor simpanan barang surau merupakan ruang yang diubahsuai oleh penduduk sendiri dengan mendinding sebahagian kawasan untuk dijadikan stor.



*Gambarajah 25 Stor membuat parang  
Sumber gambar: Safwan (2022)*



*Gambarajah 26 Stor simpanan barang surau (Petak merah)  
Sumber gambar: Safwan (2022)*



## KESIMPULAN

Secara umumnya, kenyataan daripada artikel terdahulu kurang tepat dan daripada kajian baru oleh pengkaji ternyata ruangan kolong dan dewan serbaguna merupakan ruangan yang penting kepada penduduk pangsapuri. Ruang ini membolehkan aktiviti komuniti dijalankan lalu menghasilkan satu suasana yang harmoni antara penghuni pangsapuri. Daripada kajian ini didapati solusi menjadikan ruangan kolong sebagai ruang serbaguna oleh pihak pemaju merupakan jalan penyelesaian yang berkesan terutama sekali jika pangsapuri mempunyai ruang tanah yang terhad.

Reka bentuk pangsapuri yang mempunyai ruangan kolong ini boleh diaplikasikan pada pangsapuri yang akan dibina kelak, terutamanya pangsapuri yang mempunyai kawasan terbuka yang terhad.

## RUJUKAN

- Xinyi He. 2018. Study of Interior Public Spaces for the Promotion of Social Interaction in High-rise Residential Buildings
- Amir hossein askari. 2014. Assesment of Urban Public Spaces: Cases of Kuala Lumpur City Centre Residential Buildings.
- A.M.R. Aminuddin, G.K. Yong. 2009. Study on lowcost high- r i s e urban housing in kualalumpur – impact on communities and social spaces
- Siti Sarah Binti Shaiful yazan. Green and openspace of low-cost housing area for residents'well-being
- Rifan Ridwana, Budi Prayitno, Adi Utomo Hatmoko. 2017. The Relationship Between Spatial Configuration and Social Interaction in High-Rise Flats:A Case Study on TheJatinegara Baratin Jakarta.
- Linh Nguyen, Pauline van den Berg, Astrid Kemperman, Masi Mohammadi. 2017. Where do People Interact in High-rise Apartment Buildings? Exploring the Influence of Personal and Neighborhood Characteristics.
- Wenyuan Wu, Xin Janet Ge. 2020. Communal Space Design of High-Rise Apartments:A Literature Review.
- Natalie Lazaroo. 2017. Rekindling the *kampung* spirit: Fostering a sense of belonging through community theatre in Singapore,
- Nadiyah Noor Hisham, Nor Dina Md Amin. 2020. Housing Design for Urban Poor in Kuala Lumpur: A Literature Review.
- AbdulLateef Olanrewaju, Seong Yeow Tan. 2018. Journal of Engineering, Design and Technology.
- B Bakhtyar, A Zaharim, K Sopian, S Moghimi. 2018. Journal of Engineering, Design

and Technology.

Goh, Ai Tee, Ahmad, Yahaya. 2011. Public low- cost housing in malaysia: case studies on ppr low-cost flats in kuala lumpur

Sabrina Ismail<sup>1</sup>, Hazrina Haja Bava Mohidin<sup>2</sup>, Muhammad Muhaimi Daud<sup>3</sup>. 2017. A Review on Occupants' Satisfaction and Wellness Level in Low-Cost Housing in Malaysia.

Nurizan Yahaya dan Norlela Mat Nor. 1994. Kesejahteraan Remaja Di Rumah Pangsa: Tumpuan Kepada Penggunaan Ruang untuk Belajar dan Aktiviti Sosial.

Nooriah Yusof. 2019. Faktor Penyumbang kepada Tekanan Perumahan di Kawasan Perumahan Kos Rendah dan Sederhana Rendah di Pulau Pinang.

Zakiah Jamaluddin. 2013. Persekitaran Ruang Rumah: Hubungannya dengan Salah Laku Remaja.

Kamarul Afizi Kosman, Lim Yong Long, Rosdan Abdul Manan, Azimin Samsul Mohd Tazilan, Mohamad Tajuddin Mohamad Rasdi. 2008. 50 Tahun Perumahan Awam di Kuala Lumpur. hlm. 28 – 135. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ratna Amanati. 2017. Pertimbangan Penentuan Ketinggian Panggung Pada Rumah Melayu Kampar.

Asnah Rumiawati dan Yuri Hermawan. 2013. identifikasi tipologi arsitektur rumah tradisional melayu di kabupaten langkat dan perubahannya.

Syahriani Syam. 2016. Tranformasi Ruang Awa bola Pada Rumah Tradisional Nelayan di Pesisir Pantai Kabupaten Bone.

Mohd Nizam Mohd Zan. 2008. Kajian terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh orang Melayu di rumah pangsa kos rendah di Lembah Klang dan kesan terhadap penghuninya.